

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Liabiliti Produk

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Liabiliti Produk. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Insurans Liabiliti Produk direka untuk memberi ganti rugi kepada pengeluar atau pembekal produk yang 'rosak' yang akan mengakibatkan kecederaan tubuh badan atau kerosakan harta yang timbul daripada penggunaan produk yang 'rosak' ini. Ia juga membayar untuk kos litigasi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam pembelaan kepada saman dengan syarat keizinan bertulis daripada Syarikat Insurans diperolehi terlebih dahulu.

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Polisi ini melindungi anda terhadap kesemua jumlah yang anda perlu bayar dari segi undang-undang sebagai pampasan berkaitan dengan:

- kecederaan tubuh badan (termasuk kematian atau penyakit) kepada mana-mana orang; dan
- kehilangan pada atau kerosakan kepada harta yang timbul daripada kemalangan yang disebabkan oleh sebarang perkara yang memudaratkan atau kerosakan pada sebarang produk daripada perniagaan anda ditentukan di dalam Jadual Polisi.

Polisi ini dikeluarkan dengan had liabiliti setiap satu kemalangan dan dalam agregat ketika tempoh insurans. Ini adalah polisi membuat tuntutan, yang bermaksud polisi ini melindungi pemunya polisi apabila sebuah tuntutan dibuat ketika tempoh perlindungan dan kerugian itu tidak boleh berlaku sebelum tarikh retroaktif yang dinyatakan pada polisi. Polisi juga akan menetapkan had wilayah serta bidang kuasa di mana perlindungan ini akan diguna pakai.

Tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun. Anda perlu mempebaharui polisi secara tahunan dengan borang cadangan baru yang lengkap bagi pertimbangan pembaharuan.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut bentuk perniagaan anda dan keperluan penajajaminan kami.

Anggaran Kadar Putaran Tahunan : RM _____
Kadar : _____ %
Minimum dan Deposit Premium : RM _____

Pada penghujung tempoh insurans, kadar putaran sebenar perlu diisytiharkan dan premium akan dilaraskan bergantung kepada minimum dan deposit premium.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	25% of the premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Anda harus memastikan yang borang cadangan dijawab dengan lengkap and tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans pihak yang diinsurans, keengganan atau pengurangan ganjaran pihak yang diinsurans, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans pihak yang diinsurans.

Perubahan dalam Risiko

- Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda dikehendaki memaklumkan insuran ejen anda atau pihak kami dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.

Kewajipan Pihak Yang Diinsuranskan

- Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 Laman Sesawang: www.kurnia.com

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Jaminan Premium

- Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi ini/pengelesen/sijil pembaharuan.
- Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan Liberty General Insurance Berhad berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat-syarat yang terkandung di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi yang berikut:

- Liabiliti berhubung dengan kecederaan tubuh badan kepada sesiapa di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan
- Kerugian/kerosakan kepada harta yang dimiliki oleh atau di bawah jagaan, peliharaan dan/atau kawalan anda atau sesiapa yang digaji oleh atau bekerja untuk anda
- Rumusan yang rosak/ralat dalam rekaan atau spesifikasi pada sebarang produk
- Kerugian kewangan tulen seperti kerugian muhibah atau bahagian pasaran
- Sebarang pemulihan profesional atau nasihat atau perkhidmatan atau rawatan lain yang anda berikan, tadbirkan atau tinggalkan
- Ciplak, pencabulan perancangan, hak cipta, paten, nama dagangan, tanda dagangan, tanda perkhidmatan atau rekaan yang didaftarkan dan hak harta intelek
- Liabiliti kontraktual

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium tolak premium berdasarkan kadar putaran penuh bagi tempoh insurans, yang telah berkuat kuasa, tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela, Pusat Damansara,
50490 Kuala Lumpur

Talian Bebas : 1800 88 3833

Emel : customer@kurnia.com

Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

Sila rujuk kepada cawangan kami yang berdekatan dan ejen-ejen untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia untuk mengendalikan semua kelas perniagaan insurans am.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada Mac 2024.